

Pemimpin Pemuda pertahan Muhyiddin, dakwa Umno bukan rasis
The Malaysian Insider
30 November , 2011
Oleh Zabidi Saidi

KUALA LUMPUR, 30 Nov — Pemimpin-pemimpin Pemuda Umno hari ini `sebulat suara' mempertahankan Tan Sri Muhyiddin Yassin sambil berkata ucapan timbalan presiden mereka itu malam tadi bukan bersifat rasis, sebaliknya pendekatan lumrah melawan pembangkang.

Menurut mereka, sudah menjadi budaya Umno menghentam parti lain terutamanya pembangkang seperti DAP, PKR dan PAS.

Menurut perwakilan Pemuda Umno Tenggara, Mohd Zaki Abdul Mutalib, "ucapan Muhyiddin bukan ucapan rasis."

"Sebaliknya beliau mengingatkan ahli-ahli Umno apa akan jadi kepada nasib orang Melayu jika BN kalah dalam pilihan raya umum ke-13," katanya mengulas dakwaan pembangkang yang mengatakan Muhyiddin masih mengamalkan sifat perkauman.

Muhyiddin menggesa ahli-ahli Umno berjihad untuk mempertahankan kuasa orang Melayu dengan mengekalkan kemenangan dalam pilihan raya umum ke-13 yang menurutnya merupakan "ibu segala pilihan raya."

Susulan tsunami politik tiga tahun lalu, Timbalan Presiden Umno ini menegaskan pilihan raya umum ke-13 akan menentukan jatuh bangun umat Melayu dan kelangsungan mereka.

"Sesungguhnya, kita sedang berada dalam satu situasi yang amat kritikal. Pilihan raya umum ke-13 adalah ibu segala pilihan raya yang akan menentukan jatuh bangun umat Melayu. Apakah kuasa politik kekal berada di tangan kita? Atau akan terlepas ke tangan orang lain?" kata beliau berucap merasmikan secara serentak Persidangan Tahunan Puteri, Pemuda dan Wanita Umno malam tadi. Ucapannya disiarkan secara langsung oleh stesen-stesen televisyen tempatan.

Dalam ucapan bertemakan "Menunjangi Survival Bangsa: Suatu Jihad", Muhyiddin yang timbalan perdana menteri bertanya perwakilan ketiga-tiga sayap, "sanggupkah saudara-saudari melihat kuasa politik terlepas dari genggamannya kita?"

Kata Zaki lagi, Umno adalah tunjang BN, jadi ia tetap menjaga kepentingan kaum lain.

Bagi Naib Ketua Pemuda Umno Marang, Jasmira Othman, ucapan Muhyiddin menjelaskan "siapa itu PKR, siapa itu PAS dan siapa itu DAP."

Katanya, ia adalah peringatan kepada orang Melayu jika mereka mengundi PR, mereka yang akan merana.

"Sebagai tuan di negara kita, tidak salah bercakap soal Melayu dan bagi saya ini bukan rasis sebaliknya dalam kongres MCA, MIC, PPP, Gerakan turut mengungkit kepentingan kaum masing-masing," katanya lagi.

Iskandar Dzulkarnaen Abdul Khalid dari Umno Kuala Kangsar berpendapat teguran Muhyiddin perlu dilaksanakan di peringkat akar umbi supaya BN kekal memerintah negara ini.

Beliau turut menolak dakwaan pembangkang yang mengatakan Umno masih bersifat perkauman.

“Kalau kita lihat dalam kongres Pemuda PKR juga bercakap soal perkauman bila ketuanya mencabar dipinda Perlembagaan supaya orang Melayu yang jadi Perdana Menteri,” katanya.

Tapi, tambah beliau, cadangan itu dimarahi oleh DAP yang menanggap Shamsul Iskandar seorang rasis yang mana ia dinafikan oleh Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa itu pandangan peribadi Shamsul dan bukannya pendirian rasmi Pakatan Rakyat.

Ketua Pemuda Umno Kemaman, Hisham Zubir berkata peringatan Muhyiddin adalah untuk mencelikkan mata orang Melayu siapa yang wajar mereka sokong sama ada BN atau PR.

“Dari dahulu hingga sekarang Umno tetap konsisten menyuarakan hak dan masalah orang Melayu. Tetapi Umno tidak jumud kerana ia turut memperjuangkan nasib semua kaum di negara ini,” tegasnya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-pemuda-pertahan-muhyiddin-dakwa-umno-bukan-rasis/>